

Hadapi orde baru dunia

Strategi Asean perlu diubah: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat- — **Asean** seharusnya menjadikan geo-strategik sebagai pendekatan baru bagi menghadapi orde baru dunia setelah pertelingkahan kuasa besar di rantau ini berakhir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata selama ini Asean memberikan penekanan kepada kepentingan geo-politik sebagai asas mewujudkan keamanan dan keselamatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan politik dunia.

Kerana itu, kata Perdana Men-

teri, sudah tiba masanya Asean menentukan bagaimana negara bukan anggota dibawa ke dalam arus serantau yang menjadi semakin penting.

Selama lebih 10 tahun, usaha bersama Asean ditumpukan bagi mencari penyelesaian masalah Kemboja dan ketika ia masih dijalankan sekarang, Asean juga perlu mengubah tumpuan kepada soal ekonomi.

"Kita perlu memberikan tumpuan semula kepada kerjasama ekonomi, di dalam dan luar Asean," katanya.

Dalam ucapan perasmian Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean ke 24 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir menekankan perlunya meningkatkan perdagangan antara negara di rantau ini sebagai cara

meningkatkan perpaduan serantau.

Ini memandangkan jumlah perdagangan antara Asean kini masih kekal pada kadar 20 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan keseluruhan Asean.

Perdana Menteri berkata kerjasama serantau Asia Tenggara bukan terbatas kepada proses komunikasi serta rundingan semata-mata, sebaliknya negara anggota perlu mewujudkan pergantungan sesama sendiri dalam bentuk yang tersusun.

"Selama ini pergantungan diasaskan kepada kepentingan politik-ekonomi dalam usaha mencapai kerjasama politik dan keselamatan seperti terbukti melalui perisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan) dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama," katanya.



LAGI BERITA DI MUKA 2
LAPORAN PENUH
DI MUKA 10